

PERANAN DAN SUMBANGAN MUHAMMAD B. ‘UMAR AL-WĀQIDĪ DALAM BIDANG PENSEJARAHAN ISLAM

Oleh:
Wan Kamal Mujani*

Abstrak

Muhammad b. ‘Umar al-Wāqidī (130-207H/747-822M) adalah seorang sejarawan Madinah dan terkenal dalam bidang Sirah dan Maghāzī. Ketokohnanya dapat dilihat melalui hasil karyanya yang berharga dan kebanyakannya berkaitan dengan sejarah. Penulisan utama al-Wāqidī iaitu Kitāb al-Maghāzī membahas tentang Sarāyā dan Ghazawāt selama kehidupan Rasulullah s.a.w di Madinah. Ia adalah karya asli dan tidak ada unsur plagiat seperti yang didakwa oleh beberapa orientalis. al- Wāqidī dilaporkan menulis dengan mendapatkan fakta-fakta dari sumber autoriti. Ketika beliau menulis tentang Ghazwah, beliau akan pergi ke tempat di mana Ghazwah itu berlaku dan mengamati peristiwa tersebut. Ini adalah salah satu faktor yang memberinya keabsahan dalam historiografi berbanding dengan sejarawan lain. Selanjutnya, tulisan beliau didasarkan pada kronologi dan tarikh yang disebutkan dalam setiap peristiwa. Selain itu, beliau juga menggunakan kata yang sederhana dan ada penjelasan geografi dalam tulisannya. Sampai saat ini, Kitāb al-Maghāzī tetap sebagai sumber utama untuk Sarāyā dan Ghazawāt yang berlaku pada zaman Muhammad s.a.w. Walaupun, beberapa ahli Ḥadīth mempersoalkan yang autoriti al-Wāqidī, peranan dan sumbangan dalam historiograph Islam awal tidak dapat disangkal.

Kata kunci: Al-Wāqidī, Historiografi Islam, Sarāyā, Ghazawāt, Sejarah Islam

Abstract

Muhammad b. ‘Umar al-Wāqidī (130-207H/747-822M) was a Medinan historian and was famous in the field of Sirah and Maghāzī. His scholarly can be seen through his abundant and precious works which most of them related to the history. al-Wāqidī’s master piece i.e. Kitāb al-Maghāzī discusses about Sarāyā and Ghazawāt during the days of Rasulullah P.B.U.H. in Medina. It was his genuine work and no element of plagiarism as alleged by some of the orientalists. al-Wāqidī was reported to derive his facts of writing from the authoritative sources. When he writes on Ghazwah, he will go the the place where the Ghazwah occurred and observes it. These were among of the factors which gave him more validity in historiography compared to another historians. Futhermore, his writing was based on the chronology and the dates were mentioned in every event. Besides, he also uses simple words and there are geographical explanations in his

* Wan Kamal Mujani, PhD, adalah Profesor Madya di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga adalah Timbalan Pengarah, Pusat Kembangan Pendidikan (PKP, UKM) dan Senior Felo di Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB, UKM).

writing. Until now, *Kitāb al-Maghāzī* remains as the main source for Sarāyā and Ghazawāt which took place during the Muhammad P.B.U.H. period. Eventhough, some of the Muḥaddithūn questioned the the autoritative of al-Wāqidī, his role and contribution in early Islamic historiograph is undisputable.

Keywords: *Al-Wāqidī, Islamic Historiography, Sarāyā, Ghazawāt, Islamic History*

Pendahuluan

Abad kedua Hijrah telah menyaksikan perkembangan pensejarahan Islam yang pesat sejajar dengan perkembangan ilmu pengetahuan lain ketika itu seperti hadis, tafsir, fikah, tatabahasa, sastera, falsafah dan sebagainya. Penulisan *Sīrah* dan *Maghāzī* yang telah pun bermula sejak era Nabi Muḥammad S.A.W. lagi, hampir mencapai tahap kemuncaknya dalam kurun ini dengan kehadiran beberapa tokoh sejarawan yang terkemuka berserta karya-karya agung mereka. Hakikatnya, aktiviti mencatat peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan Nabi Muḥammad S.A.W. telah dipelopori oleh beberapa orang sahabat seperti Abū Bakr b. Abū Qaḥāfah (w.13H/634M), Abu Rāfi' Mawlā Rasulullah S.A.W. (w.36H/656M), 'Ali b. Abū Tālib (w.40H/660M), Sahl b. Abī Ḥathmāh al-Madanī al-Anṣārī (w.41-60H/661-679M), 'Abd Allāh b. 'Amrū b. al-'Āṣ (w.63H/682M) dan 'Abd Allāh b. 'Abbās (w.68H/687M).

Meskipun ia dilakukan secara *informal* dan permulaannya dikaitkan dengan penulisan hadis (kerana wujud persamaan antara kedua-dua bidang ini), namun peringkat awal ini dianggap sebagai *platform* penting kepada perkembangannya.¹ Sahl b. Abī Ḥathmāh, umpamanya, telah menulis mengenai riwayat hidup Nabi Muḥammad S.A.W. termasuk *Maghāzī* yang disertai oleh baginda dan 'Abd Allāh b. 'Amrū pula menghasilkan beberapa koleksi catatan kecil yang menghimpunkan sejarah awal, *Maghāzī* serta biografi Nabi Muḥammad S.A.W.² Sementara itu, 'Abd Allāh b. 'Abbās mencatat kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh Nabi Muḥammad S.A.W. dan beliau sendiri mengkhususkan hari-hari tertentu untuk mengajar *Maghāzī* dan *Ayyām 'Arab* dalam majlis-majlis ilmunya.³

Generasi berikutnya pada abad pertama sehingga awal abad kedua Hijrah meneruskan usaha-usaha penulisan *Sīrah* dan *Maghāzī* Nabi Muḥammad S.A.W. Antara mereka ialah Sa'id b. al-Musayyab (w.94H/712M), 'Urwah b. al-Zubayr (w.94H/712M), Abū Faḍālah 'Abd Allāh b. Ka'b (w.97H/715M), Abbān b.

¹ Shams al-Din al-Dhahabī (1985), *Tārikh al-Islām wa Tabaqāt al-Mashāhīr wa al-A'lām*, j. 1. Kaherah: Dār al-Kitāb al-Miṣrī, h. 29.

² Muḥammad Muṣṭafā Azmī (1968), *Studies in Early Ḥadīth Literature*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 44.

³ Shākir Muṣṭafā (1979), *al-Tārikh al-'Arabi wa al-Mu'arrikhūn*, j. 1. Beirut: Dār al-'Ilm lil Malāyīn, h. 150-151.

‘Uthmān b. ‘Affān (w.105H/723M), al-Qāsim b. Muḥammad b. Abī Bakr al-Šiddīq (w.107H/725M), Wahb b. Munabbih (w.114H/732M) dan ‘Āṣim b. ‘Umar b. Qatādah (w.120H/737M). Sebagai contoh, Sa‘īd b. al-Musayyab telah menulis mengenai *Maghāzī* dan *Futūh*, yang kemudiannya dipetik oleh Muḥammad b. Jarīr al-Ṭabarī (w.310H/923M). ‘Urwah b. al-Zubayr pula menulis beberapa peristiwa penting yang berlaku pada zaman Rasulullah S.A.W. seperti penghijrahan ke Habashah dan Madinah, Ghazwah Badr dan Pembukaan Kota Mekah melalui surat-suratnya yang dihantar kepada Khalifah ‘Abd al-Malik b. Marwān. Beliau telah dianggap sebagai pengasas penulisan *Sīrah* dan *Maghāzī*.⁴ Sementara itu, Abū Faḍālah menulis tentang *Maghāzī* yang kemudiannya dipetik oleh Muḥammad b. Ishāq (w.151H/768M) dan Abū Ja‘far Muḥammad b. Jarir al-Ṭabarī.⁵ al-Qāsim b. Muḥammad juga menulis mengenai *Maghāzī* dan *Akhbār al-Khulafā’* yang mana sedutan daripada hasil penulisannya tersebut didapati dalam karya-karya Ahmād b. Yaḥyā b. Jābir al-Balādhurī (w.279H/892M), Muḥammad b. ‘Umar al-Wāqidī dan al-Ṭabarī. Wahb b. Munabbih yang banyak menyampaikan *Qīṣāṣ al-Anbiyā’* dan riwayat-riwayat yang bersadur Isrā’īliyyāt telah menghasilkan *Kitāb al-Maghāzī* yang membicarakan peristiwa-peristiwa tertentu pada zaman Nabi Muḥammad S.A.W. seperti perjanjian ‘Aqabah, penghijrahan ke Madinah dan Ghazwah Banī Khaythamah.⁶ ‘Āṣim b. ‘Umar pula telah meriwayatkan beberapa peristiwa yang berlaku pada zaman Mekah dan Madinah termasuk sejarah Khulafā’ al-Rāshidin.⁷

Seterusnya, muncul sekumpulan ulama yang melibatkan diri secara komited dan lebih serius dalam penulisan *Sīrah* dan *Maghāzī*. Mereka ialah Shuraḥbil b. Sa‘d (w.123H/740M), Muḥammad b. Muslim al-Zuhrī (w.124H/741M), Ya‘qub b. ‘Utbah b. al-Mughīrah (w.128H/745M), Yazīd b. Rūmān al-Asādī (w.130H/747M), Abū al-Aswad Muḥammad b. ‘Abd al-Rahmān (w.131H/748M) dan ‘Abd Allāh b. Abū Bakr b. Ḥazm (w.135H/752M). Shuraḥbil b. Sa‘d umpsamanya, telah menulis nama-nama para Sahabat yang berhijrah ke Madinah dan mereka yang terlibat dalam Ghazwah Badr dan Ghazwah Uhud.⁸ al-Zuhrī yang dianggap pelopor *Madrasah Tārīkhīyyah Aḥl al-Madīnah* kerana meletakkan asas-asas utama dalam kaedah penulisan *Sīrah* telah menghasilkan *Kitāb Mashāhid al-Nabī S.A.W.*⁹ Yazīd b. Rūmān al-Asādī pula telah menulis tentang

⁴ Hāfiẓ Khalīfah (1947), *Kashf al-Zunūn ‘an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn*, j. 2. Tehran: al-Maṭba’ah al-Islāmiyyah, h. 1747.

⁵ Mahdi Yarzuq Allāh Ahmād (1992), *al-Sīrah al-Nabawiyah fi Daw’ al-Maṣādir al-Asliyyah*. Riyad: Maṭba’at Markaz al-Malik Faysal li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, h. 24.

⁶ Josef Horovitz (1927), “The Earliest Biographies of the Prophet and Their Authors”, *Islamic Culture*, Bil. 1, h. 558.

⁷ Ḥusayn Naṣṣār (1966), *Nash’at al-Kitābah al-Fannīyyah fi al-Adab al-‘Arabī*. Kaherah: Maktabat al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 210.

⁸ Sayyid ‘Abd al-‘Azīz Sālim (1981), *al-Tārīkh wa al-Mu’arrikūn al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, h. 57.

⁹ Shams al-Dīn Muḥammad b. ‘Abd al-Rahmān al-Sakhawī (t.th.), *al-I'lān bi al-Tawbikh li Man Dama al-Tārīkh*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 159.

Maghāzī yang menjadi sumber rujukan kepada al-Waqidi, Muḥammad b. Sa‘d dan al-Ṭabarī.¹⁰ Sementara itu, Abū al-Aswad Muḥammad b. ‘Abd al-Raḥmān telah menghasilkan sebuah kitab mengenai *Maghāzī* yang kemudiannya dipetik oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Ibn Sa‘d, al-Balādhurī dan al-Ṭabarī.¹¹ ‘Abd Allāh b. Abū Bakr b. Ḥazm pula bukanlah hanya sekadar mencatatkan perperangan-perperangan yang berkaitan dengan Rasulullah S.A.W. sahaja,¹² malah beliau turut menyusun maklumat maklumat tersebut secara kronologi di samping merujuk kepada sumber-sumber bertulis.¹³

Pada sepanjang abad kedua Hijrah berikutnya sehingga awal abad ketiga Hijrah, muncul tokoh-tokoh sejarawan terkemuka dengan metode penulisan yang kemas dan karya-karya sejarah yang unggul. Antara mereka ialah Mūsā b. ‘Uqbah (w.141H/758M), Hishām b. ‘Urwah b. al-Zubayr (w.146H/763M), Muḥammad b. Ishāq (w.151H/768M), Ma‘mar b. Rāshid (w.153H/770M), Nājiḥ b. ‘Abd al-Raḥmān al-Sindi (w.170H/786M), Ziyād b. ‘Abd Allāh al-Bakkā’i (w.183H/799M), Salamah b. al-Faḍl al-Abrašī (w.191H/806M) dan termasuklah al-Wāqidī sendiri. Zaman ini merupakan era kepesatan bagi pensejarahan Islam sebelum ia mencapai kegemilangannya pada kurun ketiga Hijrah.¹⁴ Sebagai contoh, Mūsā b. ‘Uqbah telah menulis sebuah kitab mengenai *Għazawāt Rasulullah S.A.W.* yang disifatkan oleh Malik b. Anas sebagai اصح المغازي (Maghāzī yang paling Sahih).¹⁵ Muḥammad b. Ishāq pula menghasilkan sebuah

¹⁰ Akram Diyā’ al-‘Umarī (1991), *Madinan Society at the Time of the Prophet*, j. 1. Virginia: The International Institute of Islamic Thought, h. 30.

¹¹ Muṣṭafā (1979), *op. cit.*, h. 157.

¹² Antara peristiwa yang diriwayatkan oleh ‘Abd Allāh b. Abī Bakr ialah *Khabar Bi’r Ma‘ūnah*, Perjanjian Hudaybiyah, *Sariyyah Zayd b. Ḥārithah*, *Għażwah Mu’tah*, perutusan Khālid b. al-Walid kepada Balħārith b. Ka‘b di Najrān pada tahun 10H/631M dan kehadiran rombongan al-Azd dan Jurash menemui Rasulullah s.a.w. Lihat Abū Ja‘far Muḥammad b. Jarīr al-Ṭabarī (1991), *Tārikh al-Ṭabarī – Tārikh al-Umam wa al-Mulūk*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 81.

¹³ Antara sumber bertulis yang dirujuk oleh ‘Abd Allāh b. Abī Bakr ialah surat yang diantar oleh Nabi Muḥammad S.A.W. kepada raja-raja Ḥimyar dan surat yang telah diseraḥ oleh baginda kepada ‘Umar b. Hazm ketika diutus ke Najrān. Lihat Ibid, h. 191; ‘Abd al-Malik b. Hishām (t.th.), *al-Śirah al-Nabawiyyah*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 594.

¹⁴ Pensejarahan Islam mencapai zaman kemuncak dan kecemerlangannya pada kurun ketiga Hijrah dengan kemunculan tokoh-tokoh sejarawan besar seperti ‘Ali b. Muḥammad b. ‘Abd Allāh al-Madā’iñ (w.225H/839M), Khalifah b. Khayyāt (w.240H/854H), ‘Abd Allāh b. Muslim b. Qutaybah al-Dīnawārī (w.276H/889M), Ahmad b. Yahyā b. Jābir al-Balādhurī (w.279H/892M), Abū Ḥanīfah Ahmad b. Dāwud al-Dīnawārī (w.282H/895M), Ahmad b. Abī Ya‘qūb Ishāq b. Ja‘far b. Wahb b. Wādiḥ al-Ya‘qūbī (w.292H/904M) dan Abū Ja‘far Muḥammad b. Jarīr al-Ṭabarī (w.310H/922M). Pensejarahan Islam ketika ini telah pun mempunyai metode penulisan yang mantap sama ada berdasarkan kronologi atau tematik. Topik-topik yang disentuh lebih menyeluruh seperti sejarah dunia, sejarah tempatan, sejarah dinasti tertentu, sejarah sistem pentadbiran, sejarah perluasan kuasa Islam, sejarah politik dan konflik semasa, sejarah yang berunsur geografi dan lain-lain. Sehingga kini hasil-hasil penulisan mereka masih menjadi rujukan utama mengenai perkara-perkara yang disebutkan.

¹⁵ Jamāl al-Dīn Abū al-Hajjāj Yūsuf al-Mizzī (1992), *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*, suntingan Bashār ‘Awwār Ma‘ruf, j. 29. Beirut: Mu’assasat al-Risālah, h. 119. Kitab yang ditulis oleh Mūsā b.

karya terkenal iaitu *Kitāb al-Mubtada’ wa al-Mab’ath wa al-Maghāzī*. Ia merupakan hasil pemahaman beliau yang lebih luas mengenai *Sīrah* dan *Maghāzī* berbanding karya-karya yang lebih awal. Kandungannya meliputi sejarah para Nabi, sejarah Nabi Muḥammad S.A.W. di Mekah dan Madinah serta perihal para Sahabat. Maklumat-maklumat dalam kitab ini disusun berdasarkan metodelogi penulisan yang lebih terancang dan menarik.¹⁶ Ma’mar b. Rāshid, guru kepada al-Wāqidī pula telah meriwayatkan sebahagian besar daripada peristiwa-peristiwa sejarah seperti *Qīṣāṣ al-Anbiyā’*, zaman Nabi Muḥammad S.A.W. di Mekah, *Ghazawāt* yang dipimpin oleh baginda di samping beberapa peristiwa yang berlaku pada zaman Khulafā’ al-Rāshidin dan Bani Umayyah.¹⁷ Beliau yang disifatkan sebagai sejarawan yang *Thiqah* oleh Yaḥyā b. Ma‘in, Ya‘qub b. Shaybah dan al-Nasā’ī telah menulis *Kitāb al-Maghāzī* yang disusun berdasarkan tematik (tajuk-tajuk khusus).¹⁸ Sementara itu, Nājīḥ b. ‘Abd al-Rahmān al-Sindi yang juga merupakan guru kepada al-Wāqidī telah menghasilkan *Kitāb al-Maghāzī* yang kemudiannya menjadi rujukan kepada Muḥammad b. Sa‘d dan al-Tabarī.¹⁹ Ziyād b. ‘Abd Allāh al-Bakkā’ī pula memainkan peranan penting dalam meriwayatkan *Kitāb al-Mubtada’ wa al-Mab’ath wa al-Maghāzī* yang kemudiannya disunting semula oleh ‘Abd al-Malik b. Hishām (w.218H/833M) di dalam kitabnya *al-Sīrah al-Nabawiyyah*.

Pensejarahan Islam sejak permulaannya di Madinah sehingga zaman al-Wāqidī telah mengalami pelbagai tahap perkembangan. Bermula daripada catatan kecil yang membicarakan tentang *Sīrah* dan *Maghāzī* Rasulullah S.A.W., ia berkembang menjadi buku yang membincangkan perbagai aspek sejarah seperti *Qīṣāṣ al-Anbiyā’*, *al-Riddah*, perihal para Sahabat, konflik semasa yang berlaku (seperti peperangan Jamal dan Ṣiffīn) dan *Futūḥāt al-Islāmiyyah*. Topik-topik penulisan ini sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan suasana persekitaran. Penggunaan *Isnād* yang dititikberatkan pada peringkat awal juga semakin longgar dengan kemunculan beberapa kategori sejarawan yang mempunyai teknik penulisan masing-masing. Persamaan yang wujud di kalangan mereka ialah karyakarya dihasilkan sama ada berdasarkan kaedah kronologi atau tematik. Antara faktor yang menggalakkan perkembangan pensejarahan pada zaman al-Wāqidī ialah sikap keprihatinan terhadap bidang ilmu pengetahuan yang ditunjukkan oleh

¹⁶ Uqbah ini mendapat reputasi yang meluas kerana kandungannya yang teliti dan detail. Ia telah ditulis semula oleh Abū Na’im al-Asfahānī yang kemudiannya dirujuk oleh Yāqūt al-Hamawī. Ibn Ḥajar al-Asqalānī dalam bukunya *al-Isābah fī Tamyīz al-Šāhābah* telah mengambil lebih kurang 225 petikan daripada buku ini. Sejarawan lain yang turut merujuk kepada buku ini ialah Ibn ‘Abd al-Barr dalam *Kitāb al-Durar fī Ikhtisār al-Maghāzī wa al-Siyar* dan Ibn Sayyid al-Nās dalam buku ‘Uyūn al-Aثار fī Funūn al-Maghāzī wa al-Siyar. Lihat Muṣṭafā (1979), *op. cit.*, h. 158-159.

¹⁷ Hamilton Gibb (1964), *Dirāsāt fī Ḥadārat al-Islām*, terjemahan İhsān ‘Abbās. Beirut: Dār al-‘Ilm li l-Malāyiñ, h. 148.

¹⁸ Nisar Ahmed Faruqi (1979), *Early Muslim Historiography*. Delhi: Idarah-i Adabiat-i Delli, h. 271.

¹⁹ Abu al-Faraj Muḥammad b. al-Nadīm (1985), *al-Fihrist*. T.p.: Dār al-Qaṭāri b. al-Fujā’ah, h. 186.

¹⁹ *Ibid*, h. 184.

para pemerintah ketika itu seperti Khalifah Hārūn al-Rashīd dan Khalifah al-Mā'mūn. Mereka mendekatkan diri dengan para ilmuan dan memberi kedudukan istimewa kepada para ulama. Di samping itu, mereka juga mendirikan institusi-institusi keilmuan seperti Bayt al-Ḥikmah yang menyemarakkan lagi perkembangan intelektual Islam. Ini ditambahi pula dengan kestabilan politik, ekonomi dan sosial pada ketika itu.

Biografi al-Wāqidī

Muhammad b. ‘Umar b. Wāqid adalah *Mawlā* Banī Sahm iaitu salah satu suku daripada Banī Aslam.²⁰ *Kunya*nya ialah Abū ‘Abd Allah dan beliau dilahirkan di Madinah pada awal tahun 130H/747M.²¹ Terdapat sumber yang melaporkan bahawa keluarga daripada sebelah ibunya adalah berketurunan Farsi.²² al-Wāqidī merupakan tokoh ilmuwan Madinah yang terkenal dalam bidang *Sīrah* dan *Maḥāzī* dan mengajar ilmu tersebut di masjid Madinah. Dalam masa yang sama, beliau juga berkerja sebagai penjual gandum.²³ Pada tahun 170H/786M, ketika Khalifah Abū Ja‘far Hārūn al-Rashīd menziarahi Madinah setelah selesai mengerjakan ibadat haji, beliau telah meminta Yahyā b. Khālid al-Barmakī mencari seseorang yang berpengetahuan luas mengenai tempat-tempat bersejarah di Madinah seperti tempat Jibrā’il turun menemui Nabi Muhammad S.A.W. dan makam para *Shuhadā’*. Penduduk Madinah mengesyorkan kepada Yahyā supaya al-Wāqidī mengambil tugas tersebut.²⁴ Khalifah Hārūn al-Rashīd begitu berpuas hati dengan penjelasan al-Wāqidī yang detail lalu menghadiahkan kepadanya sebanyak 10,000 Dirham. Pertemuan al-Wāqidī dengan Khalifah Hārūn al-Rashīd secara tidak langsung telah membuka peluang kepada beliau untuk menjalankan hubungan dengan para khalifah kerajaan ‘Abbāsiyyah. Ekoran kesempitan hidup,²⁵ al-Wāqidī berhijrah ke Baghdad pada tahun 180H/796M, kemudiannya ke

²⁰ Menurut al-Khaṭīb al-Baghdādī, al-Wāqidī adalah *Mawlā* kepada ‘Abd Allāh b. Buraydah b. al-Hasib al-Aslāmī. Lihat al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.th.), *Tārīkh Baghdād*, j. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 3-4. Kesemua kitab *Tarājum* menyebut beliau ialah *Mawlā* kepada Banī Sahm iaitu pecahan daripada Banī Aslam dan ini sekali gus menolak kenyataan Ibn Khallikān yang menyatakan beliau adalah *Mawlā* Banī Hāshim.

²¹ Muhammad b. Sa‘d (t.th.), *al-Tabaqāt al-Kubrā*, j. 5. Beirut: Dār Ṣādir, h. 433.

²² Muhammad b. ‘Umar al-Wāqidī (1966), *Kitāb al-Maḥāzī*, j. 1. London: Maṭba‘at Jāmi‘at Oxford, h. 5. Menurut Abū al-Faraj al-Asfahānī, bapa kepada ibu al-Wāqidī iaitu ‘Isā b. Ja‘far b. Sā’ib Kathīr adalah berbangsa Farsi. Lihat Abū al-Faraj al-Asfahānī (1935), *Kitāb al-Aghānī*, j. 8. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, h. 322.

²³ Menurut al-Khaṭīb al-Baghdādī perniagaan al-Wāqidī tidak begitu maju disebabkan masalah hutang. Lihat al-Baghdādī (t.th.), *op. cit.*, h. 5.

²⁴ Imtiaz Ahmad, (1979), “al-Waqidi as a Tradition,” *Islamic Culture*. Bil. 18, h. 243.

²⁵ Berdasarkan riwayat Muhammad b. Sa‘d dan al-Khaṭīb al-Baghdādī. Pendapat lain menyatakan al-Wāqidī berhijrah ke Baghdad bukanlah disebabkan desakan hidup, tetapi untuk berjumpa Yahyā b. Khālid al-Barmakī yang sebelum itu telah menunjukkan sikap keprihatinannya terhadap keilmuan

Shām, al-Raqqah²⁶ dan kembali semula ke Baghdād.²⁷ Khalifah Hārūn al-Rashīd telah melantiknya sebagai kadi bagi kawasan di bahagian timur Baghdād. Pada zaman Khalifah Abū Ja‘far ‘Abd Allāh al-Ma’mūn, beliau dilantik memegang jawatan yang sama di ‘Askar al-Mahdī. Pendapat yang tepat menyebut bahawa al-Wāqidī meninggal dunia pada malam Selasa, 11 Zulhijjah 207H/822M pada zaman pemerintahan Khalifah Abū Ja‘far ‘Abd Allāh al-Ma’mūn dan dikebumikan pada keesokannya di tanah perkuburan al-Khayzūrān.²⁸

Guru-Guru dan Murid-Murid al-Wāqidī

Antara guru-guru al-Wāqidī ialah Sufyān al-Thawrī, Malik b. Anas, Thawr b. Yazīd al-Ḥimṣiy, ‘Abd al-Malik b. Jurayj, Muḥammad b. ‘Abd al-Raḥmān b. Abī Zi’b, Muḥammad b. ‘Abd b. Muslim, Muḥammad b. ‘Ajlān, Rabī‘ah b. ‘Uthmān, Usamāh b. Zayd, ‘Abd al-Ḥamīd b. Ja‘far,²⁹ Ismā‘il b. Ibrāhīm b. ‘Uqbah, Sa‘id bin Bashīr, ‘Abd al-‘Azīz b. ‘Abd al-Muṭṭalib, Ghawth b. Sulaymān, Kathīr b. Zayd b. al-Aslāmī, Mu‘āwiyah b. Ṣalīḥ, al-Walīd b. Kathīr, Abū Bakr b. ‘Abd Allah b. Abī Sabrah, ‘Abd al-Raḥmān b. ‘Amrū al-Awzā‘ī, Ma‘mar b. Rāshid dan Nājīh Abī Ma‘shar al-Madāni.³⁰

Antara murid beliau yang meriwayatkan daripadanya ialah Abū Bakr b. Abū Shaybah, Yaḥyā b. Abī al-Khaṣīb,³¹ Muḥammad b. Idrīs al-Shāfi‘ī, Abu Bakr Muḥammad b. Ishāq al-Saghānī, al-Ḥārith b. Abū Usāmah,³² Aḥmad b. Khalil al-Burjulānī, Aḥmad b. Rajā‘ al-Firyābī, Aḥmad b. ‘Ubayd b. Nāsiḥ, al-Ḥusayn b. Marzūq, ‘Abd Allāh b. al-Walīd, Abū ‘Ubayd al-Qāsim b. Sallām, Muḥammad b. Yaḥyā al-Azdī dan Aḥmad b. al-Faḍl al-Dīḥqān dan Muḥammad b. Sa’d.³³

Peranan dan Sumbangan al-Wāqidī Dalam Bidang Pensejarahan Islam

al-Wāqidī dianggap sebagai sejarawan Madinah walaupun beliau telah menetap di Baghdad selama hampir 30 tahun sehingga kewafatannya di situ.³⁴ Beliau dilaporkan banyak meluangkan masa dalam usaha mengumpul maklumat-maklumat sejarah dan mempunyai kaedah atau metode tersendiri ketika menulis

beliau. al-Wāqidī juga merasakan Baghdad ialah tempat yang sesuai untuk mengetengahkan ilmu pengetahuannya di samping mencapai cita-cita beliau sendiri. Lihat al-Waqidi (1966), *op.cit.*, h. 7.

²⁶Sebuah bandar yang masyhur yang terletak di perlembahan sungai Furat.

²⁷ al-Baghdādī (t.th.), *op. cit.*, h. 4.

²⁸ Yāqūt al-Ḥamawī (1938), *Mu’jam al-Udabā’*, j. 18. T.tp.: Dār al-Ma’mūn, h. 279.

²⁹ al-Baghdādī (t.th.), *op. cit.*, h. 3.

³⁰ al-Mizzī (1992), *op. cit.*, j. 26, h. 180-181.

³¹ Abū Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān al-Rāzī (1988), *Kitāb al-Jaraḥ wa al-Ta’dīl*, j. 8. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 20.

³² Shams al-Dīn al-Dhahabī (t.th.), *al-Kāshīf fī Ma’rifat Man lahu Riwayat fī al-Kutub al-Sittah*, j. 3. Mesir: Maṭba‘at Dār al-Ta’līf, h. 82.

³³ al-Mizzī (1992), *op. cit.*, j. 26, h. 181-182.

³⁴ al-Baghdādī (t.th.), *op. cit.*, h. 4.

peristiwa-peristiwa tersebut. Sebagai contoh, beliau mengambil bahan-bahan sejarah daripada mereka yang berautoriti atau hampir dengan sumber sesuatu peristiwa tersebut. Hal ini telah dijelaskan oleh al-Waqidī sendiri:³⁵

ما أدركت رجالاً من أبناء الصحابة وأبناء الشهداء ، ولا مولى لهم إلا سأله : هل سمعت أحداً من أهلك يخبرك عن مشهده وأين قُتل ،

Aku tidak akan berjumpa dengan seseorang lelaki daripada kalangan anak para Sahabat dan anak-anak mereka yang telah syahid atau hamba mereka melainkan aku bertanya kepadanya, “Adakah engkau telah mendengar salah seorang daripada ahli keluargamu yang memberitahu tentang peperangan yang telah disertainya dan di manakah tempat seseorang dibunuh”

Ketika menilai sesuatu maklumat sejarah, beliau akan meneliti dan menganalisisnya untuk memastikan maklumat tersebut benar dan tepat. Beliau sendiri akan meninjau tempat sesebuah peristiwa berlaku dan membuat pemerhatian serta kajian. al-Khaṭīb al-Baghdādī telah mencatatkan hal ini dengan menyatakan.³⁶

قال الواقدي : فإذا أعلمني مضي إلى الموضع فأعانيه ، ولقد مضي إلى المريسع فنظرت إليها ، وما علمت غرابة إلا مضي إلى الموضع حتى أعاينه

al-Waqidī berkata, “..... Apabila seseorang memberitahuku (tentang sesebuah Ghazwah) maka aku akan pergi ke tempat tersebut dan melihatnya. Sesungguhnya aku telah pergi ke al-Muraysī‘ dan melihatnya. Aku tidak akan mengetahui tentang sesebuah Ghazwah melainkan aku pergi ke tempat tersebut dan melihatnya terlebih dahulu.”

Dalam riwayat yang lain, al-Waqidi mengatakan:

قال الواقدي : أريد أن أمضى إلى حنين حتى أرى الموضع والوقة

al-Waqidī berkata, “Aku akan pergi ke Ḥunayn untuk melihat tempat dan peristiwa (kesan-kesan) tersebut.”

Inilah antara aspek yang memberi kelebihan kepada al-Waqidī dan meletakkannya sebagai seorang sejarawan yang berwibawa dalam penulisan *Maghāzī*. Ini ditambah pula dengan penulisannya yang mengikut kaedah

³⁵ Ibn Sayyid al-Nās (1974), ‘Uyūn al-Āثار fī Funūn al-Maghāzī wa al-Shamā’il wa al-Siyār , j. 1. Beirut: Dār al-Jayl, h.18.

³⁶ al-Baghdādī (t.th.), *op. cit.*, h. 6.

kronologi, mempunyai catatan tarikh bagi sesuatu peristiwa, menggunakan gaya bahasa yang baik dan menjelaskan dengan detail tentang sesebuah *Ghazwah*. Selain itu, beliau juga memberi penerangan daripada sudut geografi bagi sesebuah tempat di mana sesuatu peristiwa itu berlaku.³⁷

Ibn al-Nadīm telah mencatatkan sebanyak 28 buah kitab yang dihasilkan oleh al-Wāqidī yang kebanyakannya berkisar tentang sejarah iaitu:³⁸

1. *Kitāb al-Adab*
2. *Kitāb Akhbār Makkah*
3. *Kitāb al-Ikhtilāf*
4. *Kitāb Azwāj al-Nabiyy (S.A.W.)*
5. *Kitāb Amr al-Habashah wa al-Fīl*
6. *Kitāb Tārīkh al-Fuqahā’*
7. *Kitāb al-Tārīkh al-Kābir*
8. *Kitāb al-Tārīkh wa al-Maghāzī wa al-Mab‘ath*
9. *Kitāb al-Targhib fī ‘Ilm al-Maghāzī wa Ghalaṭ al-Rijāl*
10. *Kitāb al-Jamal*
11. *Kitāb Ḥarb al-Aws wa al-Khaṣraj*
12. *Kitāb Dhikr al-Adhān*
13. *Kitāb al-Riddah wa al-Dār*
14. *Kitāb al-Saqīfah wa Bay‘at Abī Bakr*
15. *Kitāb al-Sunnah wa al-Jamā‘ah wa Dhamm al-Hawā wa Tark al-Khurūj fī al-Fitan*
16. *Kitāb al-Sīrah*
17. *Kitāb Sīrah Abī Bakr wa Wafātuhu*
18. *Kitāb Ṣiffīn*
19. *Kitāb Ḏarb al-Danānīr wa al-Darāhīm*
20. *Kitāb al-Tabaqāt*
21. *Kitāb Ghalaṭ al-Hadīth*
22. *Kitāb Futūḥ al-Shām*
23. *Kitāb Futūḥ al-‘Irāq*
24. *Kitāb Madā‘i Quraysh wa al-Anṣār fī al-Qiṭā‘ wa Waq‘ ‘Umar al-Dawāwīn wa Taṣnīf al-Qaba‘il wa Marātibihā wa Ansābihā*
25. *Kitāb Maqtal al-Husayn (R.A.)*

³⁷ Sālim (1981), *op. cit.*, h.63.

³⁸ Ibn al-Nadīm (1985), *op. cit.*, h. 196.

26. *Kitāb al-Manākiḥ*
27. *Kitāb Mawlid al-Hasan wa al-Husayn wa Maqtal al-Husayn (R.A.)*
28. *Kitāb Wafāt al-Nabiyy (S.A.W.)*³⁹

Adalah jelas bahawa berdasarkan topik kitab-kitab di atas, al-Wāqidī bukan sahaja mendalami bidang sejarah tetapi juga bidang hadis, fikah dan al-Quran. *Kitāb al-Tabaqāt* yang dihasilkan oleh al-Wāqidī juga menunjukkan bahawa beliau adalah di kalangan pengasas penulisan mengenai *al-Tabaqāt* dan *Tarājum al-Rijāl*.

Kitāb al-Maghāzī

Karya al-Wāqidī iaitu *Kitāb al-Maghāzī* yang sampai kepada generasi hari ini memperlihatkan perkembangan penulisan *Sīrah* dan *Maghāzī* pada akhir kurun kedua Hijrah. Beliau didapati begitu banyak mengambil riwayat-riwayat daripada mereka yang meriwayatkan daripada al-Zuhrī dan tidak mengambil langsung riwayat-riwayat Ibn Ishāq. Dalam hal ini, Josef Horovitz dan Julius Wellhausen mendakwa bahawa al-Wāqidī telah memplagiat penulisan Ibn Ishāq kerana beliau tidak menyebut nama Ibn Ishāq sebagai salah seorang daripada sumbernya dalam *Kitāb al-Maghāzī*. Tambahan pula terdapat beberapa maklumat di dalam *Kitāb al-Maghāzī* yang menyamai kandungan *Kitāb al-Mubtada' wa al-Mab'ath wa al-Maghāzī* yang ditulis oleh Ibn Ishāq. Lebih daripada itu, Horovitz juga berpendapat bahawa setiap perkataan **فَلَوْا** (mereka berkata) yang digunakan oleh al-Wāqidī menunjukkan beliau memplagiat tulisan Ibn Ishāq.⁴⁰ 'Abd al-'Aziz al-

³⁹ Senarai buku al-Wāqidī yang dicatatkan oleh Ibn al-Nadīm adalah hampir sama dengan yang dinyatakan oleh Yāqūt al-Ḥamawī, melainkan Yāqūt menyebut bahawa buku *Mawlid al-Hasan wa al-Husayn wa Maqtal al-Husayn* (no.27) adalah dua buah buku yang berasingan iaitu buku *Mawlid al-Hasan wa al-Husayn* dan buku *Maqtal al-Husayn*. Lihat al-Ḥamawī (1938), *op. cit.*, h. 281-282. Sementara itu, Ṣalāḥ al-Dīn al-Ṣafadi tidak mencatatkan dua buah buku al-Wāqidī iaitu *Kitāb al-Sīrah* (no.6) dan *Kitāb Ṣifīn* (no.8). Marsden Jones pula menyatakan bahawa *Kitāb al-Tārikh wa al-Maghāzī wa al-Mab'ath* (no.8) merupakan tiga buah buku yang berasingan iaitu *Kitāb al-Tārikh*, *Kitāb al-Maghāzī* dan *Kitāb al-Mab'ath*. Ini termasuklah *Kitāb al-Riddah wa al-Dār* (no.13) yang merupakan dua buah buku berasingan iaitu *Kitab al-Riddah* dan *Kitab al-Dār*. Beliau juga menganggap bahawa *Kitab Futūḥ al-Shām* (no.22) dan *Kitāb Futūḥ al-‘Irāq* (no.23) yang ada pada masa kini bukanlah ditulis oleh al-Wāqidī. Lihat al-Wāqidī (1966), *op. cit.*, h. 10-16.

⁴⁰ Horovitz (1927), "The Earliest Biographies of the Prophet and Their Authors", h. 518-519. Dakwaan yang dikemukakan oleh Josef Horovitz dan Julius Wellhausen tidak berdasas sama sekali kerana penulisan al-Wāqidī tentang *Sarāyā* dan *Ghazawah* di dalam *Kitāb al-Maghāzī* lebih terperinci berbanding *Kitāb al-Mubtada' wa al-Mab'ath wa al-Maghāzī*. Kitab yang dihasilkan oleh al-Wāqidī adalah khusus membicarakan hal tersebut (*Sarāyā* dan *Ghazawah*), manakala buku Ibn Ishāq pula mengetengahkan tajuk-tajuk lain seperti kisah-kisah para nabi, zaman Nabi Muḥammad s.a.w. di Mekah dan Madinah serta serba sedikit mengenai zaman Khulafa' al-Rashidin. Sehubungan dengan itu, tidak mungkin penulisan yang detail memplagiat penulisan yang ringkas. Dalam masa yang sama juga terdapat beberapa peranggahan pendapat antara al-Wāqidī dan Ibn Ishāq tentang *Maghāzī* yang dibincangkan. al-Wāqidī adalah seorang tokoh sejarawan berpengetahuan luas dan berwibawa, maka tidak mungkin sama sekali beliau menciplak penulisan Ibn Ishāq. Pendapat Josef Horovitz yang

Dūrī pula menyatakan faktor al-Wāqidī tidak mengambil riwayat-riwayat Ibn Ishāq ialah kerana pandangan serta penilaian *Ahl al-Madīnah* yang negatif terhadap Ibn Ishāq dan wujud perbezaan di antara mereka berdua dari aspek tema penulisan.⁴¹ Dalam menghuraikan hal ini, pendapat yang tepat ialah Ibn Ishāq telahpun meninggalkan Madinah dan berhijrah ke tempat lain (iaitu ke Iskandariyyah pada tahun 115H/733M dan diikuti ke beberapa tempat lain) sebelum al-Wāqidī dilahirkan. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī menyatakan:

وكان خرج من المدينة قديما ورواته من أهل البلدان أكثر من رواه من أهل المدينة ، لم يرو عنه
منهم غير إبراهيم بن سعد

*Ibn Ishāq telahpun keluar meninggalkan Madinah sejak dahulu lagi
..... Perawi-perawi beliau daripada kalangan penduduk negeri-negeri
lain lebih ramai daripada perawi-perawinya dari Madinah. Hanya
Ibrāhīm bin Sa‘d sahaja daripada penduduk Madinah yang
meriwayatkan daripada beliau.*

Kitāb al-Maghāzī membicarakan serta memfokuskan *Sarāyā* dan *Ghazawāt* yang berlaku pada zaman Madinah sehingga kewafatan Nabi Muḥammad S.A.W. Pada bahagian pendahuluan kitab ini, al-Wāqidī menyebut nama 25 orang perawi yang menjadi sumber penulisannya yang majoritinya adalah terdiri daripada *Ahl al-Madīnah* yang banyak meriwayatkan peristiwa-peristiwa *Sīrah* dan *Maghāzī* seperti Muḥammad b. Yahyā b. Sahl b. Abī Ḥathmah, Muḥammad b. Ṣāliḥ b. Dīnār, ‘Abd al-Raḥmān b. Abī al-Zinād, Abū Ma‘shar al-Madāni dan Ismā‘īl bin Ibrāhīm b. ‘Uqbah.⁴² Ini diikuti dengan senarai *Ghazawāt* dan *Sarāyā* yang lengkap dengan tarikh. al-Wāqidī menyatakan bahawa Nabi Muḥammad S.A.W. telah menyertai sebanyak 27 *Ghazwah*, sementara jumlah *Sarāyā* yang tidak disertainya pula ialah sebanyak 47. Beliau kemudiannya mencatat nama-nama para sahabat yang dilantik mentadbir kota Madinah semasa baginda keluar memimpin sesebuah *Ghazwah*. Sebagai contoh, al-Wāqidī menyatakan bahawa Ibn Umm Maktūm al-Ma‘īṣī telah dilantik menggantikan Nabi Muḥammad S.A.W. sebanyak 14 kali iaitu semasa berlakunya *Ghazwah al-Kudr*, *Ghazwah Buhrān*, *Ghazwah Uhud*, *Ghazwah Ḥamrā’ al-Asad*, *Ghazwah Banī al-Naḍīr*, *Ghazwah al-Khandaq*, *Ghazwah Banī Qurayzah*, *Ghazwah Banī Lihyān*, *Ghazwah al-Ghābah*, *Ghazwah al-Hudaybiyyah*, *Ghazwah al-Fath*, *Ghazwah Hunayn*,

menyatakan bahawa setiap perkataan قالوا menunjukkan al-Wāqidī mempelajiat penulisan Ibn Ishāq adalah tidak benar kerana perkataan قالوا adalah kaedah *Isnād Jam‘ī* yang telah dipraktikkan oleh al-Zuhri dan Ibn Ishāq sebelum al-Wāqidī lagi.

⁴¹ ‘Abd al-‘Azīz al-Dūrī (1960), *Baḥth fī Nash’at ‘Ilm al-Tārīkh ‘ind al-‘Arab*. Beirut: Maṭba‘at al-Kathūlūkiyyah, h. 31. Pandangan yang dikemukakan oleh beliau juga tidak tepat memandangkan sesetengah ulama Madinah turut memberi penilaian yang negatif terhadap al-Wāqidī. Bentuk penulisan antara al-Wāqidī dan Ibn Ishāq juga tidak mempunyai banyak perbezaan kerana kedua-duanya alah daripada aliran yang sama iaitu Madrasah Madinah yang menekankan penulisan tentang *Sīrah* dan *Maghāzī* serta menitikberatkan penggunaan *Isnād* berbanding sejarawan Madrasah Iraq.

⁴² al-Wāqidī (1966), *Kitāb al-Maghāzī*, h. 1-8.

Ghazwah al-Tā'if dan Ghazwah Tābük. Ini jelas menunjukkan bahawa al-Wāqidī juga memberi perhatian serius mengenai aspek-aspek pentadbiran di dalam penulisannya. Ketika mengakhiri pendahuluan kitabnya, al-Wāqidī mencatatkan tentang kata-kata perang sang yang dilaungkan oleh tentera Islam semasa peperangan seperti ucapan يَا مَنْصُورَ أُمَّةٍ (Wahai Mansūr, syahidkanlah aku) dalam Ghazwah Badr dan ucapan حَمْ لَا يَنْصُرُونَ (Hā Mim, Mereka tidak akan diberi kemenangan) ketika Ghazwah al-Khandaq. Ini kemudian diikuti dengan kandungan kitab yang memaparkan *Ghazawāt* dan *Sarāyā* satu persatu secara lengkap sehinggalah kewafatan Nabi Muhammad S.A.W.

Secara umumnya, *Sarāyā* dan *Ghazawāt* yang terkandung dalam kitab ini memperlihatkan pertembungan tentera Islam dengan beberapa pihak musuh seperti berikut iaitu:

- i) Pihak Quraysh seperti Sariyyah Ḥamzah b. ‘Abd al-Muttalib, Sariyyah ‘Ubaydah b. al-Ḥārith, Ghazwah al-Abwā’, Ghazwah Buwāt, Ghazwah Badr dan Ghazwah Uhud.⁴³
- ii) Pihak Yahudi seperti Ghazwah Banī Qaynuqā’, Ghazwah Banī al-Naḍir dan Ghazwah Banī Qurayzah.⁴⁴
- iii) Suku-suku Arab seperti Ghazwah Khandaq, Ghazwah Ḥunayn dan Ghazwah Tā'if.⁴⁵
- iv) Kuasa-kuasa asing (Rom) seperti Ghazwah Mu’tah dan Ghazwah Tābük.⁴⁶

Kesemua *Sarāyā* dan *Ghazawāt* yang dipaparkan oleh al-Wāqidī adalah tersusun mengikut kaedah kronologi. Beliau menggunakan gaya persembahan yang sama bagi setiap *Sariyyah* dan *Ghazwah* dengan mencatat nama pemimpin yang mengetuai peperangan tersebut, tarikh ia berlaku dan diikuti riwayat-riwayat yang berkaitan dengan *Sariyyah* dan *Ghazwah* tersebut.⁴⁷ Di akhirnya pula, al-Wāqidī mencatatkan penganti Rasulullah S.A.W. ketika ketidaan baginda. Sekiranya terdapat banyak ayat al-Quran yang diturunkan mengenai sesebuah *Ghazwah*, al-Wāqidī akan meletakkan ayat-ayat tersebut bersama tafsirannya di akhir cerita *Ghazwah* berkenaan. Ini dapat dilihat dalam Ghazwah Badr, Ghazwah Uhud, Ghazwah Banī al-Naḍir dan Ghazwah Khandaq.⁴⁸

⁴³Ibid, h. 9-12,19,199.

⁴⁴Ibid, h. 176, 363; j. 2, h. 496.

⁴⁵Ibid, j. 2, h. 494; j. 3, h. 885, 922.

⁴⁶Ibid, j.2, h. 755; j. 3, h. 989.

⁴⁷Sebagai contoh, dalam *Sariyyah Nakhlah*, Ghazwah Banī Qaynuqā’, Ghazwah Qarārah al-Kudr dan *Šāriyyāh* al-Qaradah. Lihat al-Wāqidī (1966), *Kitāb al-Maghāzī*, j. 1, h. 13,176,182,197.

⁴⁸Ibid, j. 1, h. 131,319,380; j. 2, h. 494.

Seperti sejarawan awal Islam yang lain, al-Wāqidī juga menyelitkan puisi-puisi yang berkaitan dengan sesbuah *Ghazwah*, tetapi dengan kadar yang terhad dengan menyatakan sumber-sumbernya. Sebagai contoh, ketika mencatatkan puisi Ka'b b. al-Ashraf yang mencerca golongan Islam dan meratapi tentera Mushrikin yang terbunuh dalam Ghazwah Badr, al-Wāqidī menyebut sumbernya dengan menyatakan (أَمْلَاهُ عَلَىٰ عَلَىٰ بْنَ عَبْدِ الْعَزِيزِ وَمُحَمَّدَ بْنَ صَالِحٍ وَابْنَ أَبِي الزِّنَادِ) (Puisi tersebut telah dibacakan kepadaku oleh ‘Ali b. ‘Abd al-‘Azīz dan Muḥammad b. Ṣalīh dan Ibnu Abī al-Zinād).⁴⁹ Ini menunjukkan bahawa al-Wāqidī begitu teliti dalam penulisannya dengan menyatakan sumber maklumatnya. Di samping itu, ketika membicarakan perperangan yang penting seperti Ghazwah Badr, Uhud, Khandaq, Banī Qurayzah dan Ghazwah Ḥunayn, al-Wāqidī akan mencatatkan senarai nama-nama tentera Islam yang gugur syahid dan pihak musuh pihak yang terbunuh.⁵⁰

Selain itu, al-Wāqidī turut memberi perhatian terhadap fakta yang berkaitan dengan geografi sesbuah kawasan.⁵¹ Umpamanya, beliau menjelaskan kedudukan beberapa tempat seperti Rābigh, Buwāṭ, Jamum, al-Ṭaraf, Ḫisma, Umm Qirfah, Turbah, al-Mayfa‘ah, al-Kudayd, ‘Atlah dan Khadirah. Penjelasan geografi ini memperlihatkan keautoritian serta kepakaran beliau yang mendalam dalam bidang *Sīrah* dan *Maghāzī*. Ia juga dianggap penulisan awal yang membahasakan tentang aspek tersebut sebelum dikembangkan oleh sejarawan berikutnya seperti Muḥammad b. Sa‘d, al-Balādhurī dan al-Ya‘qūbī. Dalam pada itu, al-Wāqidī juga tidak hanya sekadar bergantung kepada sumber lisan sahaja tetapi turut merujuk kepada sumber bertulis atau meriwayatkan daripada perawi yang merujuk kepada bahan-bahan bertulis.⁵²

Kewibawaan al-Waqidi terserlah kerana sering mengemukakan kritikan terhadap pendapat ulama lain dan mengetengahkan pandangannya yang dianggap tepat mengenai sesuatu perkara. Ungkapan yang selalu digunakan untuk mentarjih sesuatu pertikaian ialah: **وَهُوَ الْمُثْبِت** (Itulah –pendapat- yang tepat), **وَالْمُجَمَعُ عَلَيْهِ عَنْنَا** (Yang telah disepakati di sisi kami), **وَالثَّبِيتُ عَنْنَا** (Yang tepat di sisi kami), **وَالْقُولُ الْأَوَّلُ ثَبِيتٌ عَنْنَا** (Tiada khilaf di sisi kami), **وَلَا اخْتِلَافٌ عَنْنَا** (Pendapat pertama adalah lebih tepat di sisi kami), **وَهُوَ ثَبِيتٌ** (Itulah –pendapat- yang lebih tepat), **وَهَذَا الثَّبِيتُ عَنْنَا** (Inilah –pendapat- yang tepat di sisi kami) dan

⁴⁹ ‘Uthmān Mawāfi (1984), *Manhaj al-Naqd al-Tārīkhī al-Islāmī wa al-Manhaj al-Urūbī*. T.tp.: Dār al-Ma‘rifah al-Jāmi‘iyah, h. 208.

⁵⁰ al-Wāqidī (1966), *Kitāb al-Maghāzī*, j. 1, h. 145,300; j. 2, h. 495,529; j.3, h. 922.

⁵¹ Ibid, j. 1, h. 2,5,6); Sālim (1981), *op. cit.*, h. 63.

⁵² Ahmad Amīn (t.th.), *Duhā al-Islām*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, j. 2, h. 336.

(-sesuatu- yang telah dipersetujui, tiada keraguan mengenainya).⁵³ Sebagai contoh, dalam Ghazwah Uhud beliau menyebut:

وَجَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) يَصِفُّ أَصْحَابَهُ وَجَعَلَ الرَّمَاهَ خَمْسِينَ رَجُلًا عَلَيْهِمْ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ جَبَيرٍ وَيَقَالُ عَلَيْهِمْ سَعْدُ بْنُ أَبِي وَقَاصٍ وَالثَّابِتُ عَدْنَانُ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ جَبَيرٍ

Rasulullah s.a.w. telah menyusun para Sahabat (dalam ghazwah Uhud) serta membentuk satu pasukan pemanah yang terdiri daripada 50 orang lelaki yang diketuai oleh ‘Abd Allāh b. Jubayr dan pendapat lain menyatakan Sa’d b. Abī Waqqāṣ. Pendapat yang tepat di sisi kami ialah ‘Abd Allāh b. Jubayr.⁵⁴

Al-Wāqidī boleh dikatakan agak prihatin dalam penggunaan *Isnād*. Beliau tidak hanya sekadar menyebutkannya di awal setiap riwayat *Ghazwah* sahaja, malah ia sering disebutkan di tengah-tengah penceritaan sesebuah *Ghazwah*. Kebanyakan *Isnād* yang digunakannya terhenti kepada perawi yang menyaksikan atau menyertai peristiwa itu sendiri. Ini dapat dilihat dalam *Ghazwah Badr*:

حَدَّثَنِي أَبُو بَكْرُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَاصٍ ، قَالَ خَرَجْنَا إِلَى بَدْرٍ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ (ص) ، وَمَعْنَا سَبْعُونَ بَعِيرًا

Telah meriwayatkan kepadaku Abū Bakr b. Ismā’īl daripada ayahnya daripada Sa’d b. Abī Waqqāṣ, “Kami telah keluar menuju ke Badr dengan Rasulullah (s.a.w.) dan bersama kami 70 ekor unta...”

Kadang-kadang *Isnād* yang disebutkan oleh al-Wāqidī terhenti kepada Tābi‘īn yang berautoriti kerana beliau ingin meringkaskan penulisannya. Sebagai contoh, dalam Ghazwah Badr: حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ الزَّهْرَى عَنْ عُرُوْةَ بْنَ الْزَّبِيرِ (Telah berkata-meriwayatkan-kepadaku Muhammad b. ‘Abd Allāh daripada al-Zuhri daripada ‘Urwah b. al-Zubayr).⁵⁵ Meskipun demikian, al-Wāqidī tidaklah mencatatkan *Isnād* bagi keseluruhan *Sarāyā* dan *Ghazawāt* kerana ia hanya dititikberatkan di beberapa bahagian tertentu sahaja seperti dalam Ghazwah Badr, Uhud dan beberapa peperangan selepasnya. Sementara di bahagian yang lain, bermula daripada Ghazwah Khandaq sehingga Ghazwah Tabuk, beliau didapati

⁵³ al-Wāqidī (1966), *Kitāb al-Maghāzī*, j. 1, h. 34.

⁵⁴ Ibid, h. 199.

⁵⁵ Ibid, h. 19-152.

jarang-jarang menyebutkan *Isnād* dengan tujuan untuk meringkaskan penulisan dan mengelakkan pengulangan sebutan *Isnād* yang sama.⁵⁶

Kepentingan *Kitāb al-Maghāzī* yang ditulis oleh al-Wāqidī tidaklah terbatas kepada perbincangan mengenai *Sarāyā* dan *Ghazawāt* sahaja, tetapi ia turut memberikan gambaran sosio-ekonomi masyarakat ketika itu. Selain itu, al-Waqidi juga didapati telah menghasilkan penulisan yang bersifat objektif dengan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

PENDAPAT ULAMA TERHADAP AL-WĀQIDĪ

Meskipun al-Wāqidī mempunyai kedudukan yang tinggi dengan perlantikannya sebagai kadi dan mendapat penghormatan daripada Khulafa’ ‘Abbāsiyyah, tetapi keadaan adalah sebaliknya daripada kaca mata ulama. Terdapat dua golongan ulama yang mempunyai penilaian dan pandangan yang berbeza terhadap beliau:

**a) Golongan ulama yang memihak dan mempertahankan al-Wāqidī.
Antara mereka ialah:**

1. ‘Abd al-‘Azīz b. Muḥammad al-Darāwardī (w.187H/802M): الواقدي
أمير المؤمنين في الحديث (al-Wāqidī ialah *Amīr al-Mu’mīnīn* dalam bidang hadis).⁵⁷
2. ‘Abd Allāh b. Numayr al-Hamdānī (w.199H/814M): أما حديثه هنا فمستوى ، وأما حديث أهل المدينة فهو أعلى به (Adapun hadisnya [al-Wāqidī] di sini adalah lurus dan sama (diterima), manakala hadis Ahl al-Madīnah, maka mereka lebih mengetahui mengenainya).⁵⁸
3. Mujāhid b. Mūsā: ما كتبت عن أحد أحفظ منه (Aku tidak mencatatkan hadis daripada seseorang yang lebih *Hāfiẓ* daripadanya).
4. Abū Yaḥyā al-Zuhrī: ثقة مأمون (Thiqah dan aman [diperlakukan]).
5. Yazīd b. Hārūn (w.206H/821M): ثقة.⁵⁹
6. Ma‘ān al-Qazzāz: أنا أأسأل عن الواقدي والواقدي يسأل على (Aku mengambil hadis daripada al-Wāqidī dan al-Wāqidī mengambil hadis daripadaku).⁶⁰

⁵⁶ Mawāfi (1984), *op. cit.*, h. 204-209.

⁵⁷ Shams al-Dīn al-Dhahabī (1953), *Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl*, Mesir: Maṭba‘at ‘Isā al-Bābī al-Halabī, j. 3, h. 665.

⁵⁸ al-Mizzī (1992), *op. cit.*, j. 26, h. 192.

⁵⁹ Ibn Sayyid al-Nās (1974), *op. cit.*, j. 1, h. 19.

⁶⁰ al-Dhahabī (1953), *op. cit.*, j. 3, h. 665.

7. Muḥammad b. Ishaq b. Muḥammad b. ‘Abd al-Rahmān al-Musayyibī (w.236H/850M): ثقة مأمون (Thiqah dan aman [dipercayai]).
8. Abū ‘Ubayd al-Qāsim b. Salām (w.224H/838M) ثقة (Thiqah).
9. Muṣ‘ab b. ‘Abd Allāh b. Muṣ‘ab b. Thābit al-Zubayrī (w.236H/850M): ثقة مأمون (Thiqah dan aman [dipercayai]).
10. ‘Abbās b. ‘Abd al-‘Azīz Abū al-Faḍl al-‘Anbārī al-Baṣrī (w.246H/860M): هو أحب إلى من عبد الرزاق (Dia [al-Wāqidī] lebih disukai olehku berbanding ‘Abd al-Razzāq).⁶¹
11. Ya‘qūb b. Shaybah (w.264/877M) حتى بعض أصحابنا ثقة (Beberapa orang daripada sahabat kita telah memberitahu bahawa al-Wāqidī adalah seorang yang *Thiqah*).
12. Muḥammad b. Ishaq al-‘Ānī (w.270H/883M): والله لو لا أنه عندى ثقة ما حدث عنه (Demi Allah, sekiranya tidak kerana beliau *Thiqah* di sisiku, nescaya aku tidak akan meriwayatkan daripadanya).
13. Ibrāhīm b. Ibrāhīm al-Ḥarbī (w.280H/893M): الواقى أمين الناس على (al-Wāqidī adalah seseorang yang dipercayai oleh orang Islam).⁶²
14. Ibn Sayyid al-Nās (w.734H/1333M): وقد يكون فيما رمى به من تقليل: الأخبار (Berkemungkinan apa yang dilemparkan ke atas al-Wāqidī adalah berita yang direka-reka).⁶³

b) Golongan ulama yang menolak al-Wāqidī. Majoriti di kalangan mereka adalah terdiri daripada kalangan ahli-hadis seperti:

1. Abū Zur‘ah (w.164H/780M): ضعيف ([Hadis-hadis beliau adalah] Lemah).⁶⁴
2. Muḥammad b. Ibrāhīm b. ‘Ādī (w.194H/809M): أحاديثه غير محفوظة: والباء منه (Hadis-hadisnya tidak terjaga dan bala [masalah] datang daripadanya).⁶⁵
3. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Idrīs al-Shāfi‘ī (w.204H/8190M): كتب الواقى كذب (Buku-buku karya al-Wāqidī adalah dusta).⁶⁶

⁶¹ Ibn Sayyid al-Nās (1974), *op. cit.*, j. 1, h. 17-21.

⁶² al-Mizzī (1992), *op. cit.*, j. 26, h. 189-191.

⁶³ Ibn Sayyid al-Nās (1974), *op. cit.*, j. 1, h. 21.

⁶⁴ al-Rāzī (1988), *op. cit.*, j. 8, h. 21.

⁶⁵ Shams al-Dīn al-Dhahabī (1971), *al-Mughnī fī al-Du‘afā’ wa al-Matrūkīn*. Syria: Dār al-Ma‘arif, j. 2, h. 619.

⁶⁶ al-Rāzī (1988), *op. cit.*, j. 8, h. 21.

4. ‘Alī b. al-Madīnī (w.231H/845M): الواقدي يضع الحديث (al-Wāqidī telah mereka-reka hadis).
5. Abū Zakariyā Yaḥyā b. Ma‘īn (w.233H/847M): ليس بثقة (Beliau tidak *Thiqah*) dan dalam riwayat yang lain لا يكتب حديثه (Hadis beliau tidak dicatatkan [diriwayatkan]).
6. Iṣhāq b. Rawayh (w.238H/852M): هو عندي من يضع الحديث (Beliau di sisiku adalah daripada kalangan mereka yang mencipta hadis).
7. Aḥmad b. Muḥammad b. Ḥanbal (w.241H/855M): هو كذاب ، يقلب الحديث (Beliau adalah seorang pendusta dan memutarbelitkan hadis-hadis).⁶⁷
8. Muḥammad b. Ismā‘il b. Ibrāhīm al-Bukhārī (w.256H/869M): متروك (Ditinggalkan [Hadis-hadis beliau tidak diambil]).⁶⁸
9. Abū ‘Abd al-Raḥmān Aḥmad b. Shu‘ayb b. ‘Alī b. Sinān b. Baḥr al-Nasā’i (w.303H/915M): يضع الحديث (Beliau mereka-reka hadis).⁶⁹
10. Abū Ḥātim al-Rāzī (w.327H/938M): متروك dan dalam riwayat yang lain يضع الحديث.⁷⁰
11. al-Dārquṭnī (w.385H/995M): فيه ضعف (Hadis-hadisnya lemah).⁷¹
12. al-Nawāwī (w.676H/1277M): الواقدي ضعيف باتفاقهم (Hadis-hadis al-Wāqidī telah disepakati bersifat lemah).⁷²
13. Shams al-Dīn al-Dhahabī (w.748H/1347M): لن أنسق ترجمته هنا لإتفاقهم: على ترك حديثه (Aku tidak mencatatkan riwayat hidupnya di sini kerana para ulama telah bersepakat meninggalkan hadisnya)⁷³ dan استقر الإجماع على وهن الواقدي (Ijmak ulama telah menetapkan lemah bagi hadis-hadis al-Wāqidī).⁷⁴
14. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (w.852H/1448M).⁷⁵

Persoalan yang timbul ialah sejauh mana kewibawaan dan keautoritian al-Wāqidī kerana tidak semua ulama menolak beliau. Malah, sebahagian daripada

⁶⁷ al-Dhahabī (1953), *op. cit.*, j. 3, h. 663-665.

⁶⁸ Muḥammad b. Ismā‘il al-Bukhārī (1982), *al-Tārikh al-Ṣaghīr*. Lahore: Idārat Tarjamān al-Sunnah, h. 221.

⁶⁹ al-Dhahabī (1953), *op. cit.*, j. 3, h. 663.

⁷⁰ al-Rāzī (1988), *op. cit.*, j. 8, h. 20-21.

⁷¹ al-Dhahabī (1953), *op. cit.*, j. 3, h. 663.

⁷² al-Dhahabī (t.th.), *op. cit.*, j. 3, h. 82.

⁷³ Shams al-Dīn al-Dhahabī (1956), *Tadhkirat al-Huffāz*. Hayderabad: Dā’irat al-Ma‘ārif al-Islāmiyyah, j. 1, h. 348.

⁷⁴ al-Dhahabī (1953), *op. cit.*, j. 3, h. 666.

⁷⁵ Sayed Salman Nadvi (1982), “Muhammad ibn. Umar al-Waqidi,” *The Muslim World League Journal*, j. 9, h. 35.

mereka didapati memihak dan mempertahankannya. Hal ini sememangnya memerlukan kajian dan analisis kerana sekiranya tidak, ia pasti akan meletakkan al-Wāqidī di tempat yang tidak sepatutnya.

Secara umumnya, mereka yang menolak al-Wāqidī adalah terdiri daripada ulama hadis yang begitu peka terhadap konsep *'Ilm Naqd al-Hadith'*. Untuk menerima sesebuah riwayat, mereka telah meletakkan syarat-syarat tertentu seperti kaedah *Riwayah* dan *Dirāyah* yang mewajibkan beberapa perkara seperti setiap *Isnād* mestilah bersambung (tidak terputus), setiap perawi hendaklah diketahui latar belakangnya dan riwayat yang disampaikan itu mestilah lengkap. Mereka juga tidak menerima sebarang cara meriwayat yang bercanggah dengan kaedah mereka dan menganggap riwayat tersebut tidak boleh dipercayai. Ukuran terhadap kewibawaan dan keautoritian seseorang perawi dengan riwayat-riwayatnya adalah berdasarkan sejauh mana kepatuhannya kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Bertitik tolak dari sinilah ahli-ahli hadis telah menolak kebanyakan ahli sejarah kerana mereka tidak mempraktikkan syarat-syarat tersebut. Dalam hal ini, seorang sarjana moden iaitu Syed Salman Nadvi telah menjelaskan faktor-faktor al-Wāqidī ditolak:⁷⁶

The method that al-Wāqidī had adopted to report events was rejected by his critics on the basis that in this way it was not possible to find out which part or portion of the report is narrated by which reporter. Sometimes, he does give separate Isnād but they are Munqati' (interrupted or with a link missing) or sometimes he gives the Isnāds and says that some parts of the "reports are common among them." This is one of the reasons why al-Wāqidī and his reports could not receive certificate of credibility from the Traditionists and the "Ashāb al-Rijāl", al-Shāfi'i and Ahmad ibn Hanbal have rejected him on the same basis.

Terdahulu daripada itu, Ibrāhīm al-Harbī sebenarnya telah pun menerangkan sebab al-Wāqidī ditolak oleh Aḥmad b. Ḥanbal:⁷⁷

وسئل إبراهيم الحربي عما أنكره أَحْمَدُ عَلَى الْوَاقِدِيِّ ، فَقَالَ إِنَّمَا أَنْكَرَ عَلَيْهِ جَمِيعَ الْأَسَانِيدِ وَمَجِينَهِ
بِالْمُتْنَ وَاحِدًا . وَقَالَ إِبْرَاهِيمَ لَيْسَ هَذَا عَيْبًا فَنَدَ فَعَلَ هَذَا الزَّهْرِيُّ وَابْنُ إِسْحَاقِ

Ibrāhīm al-Harbī telah ditanya mengenai Aḥmad b. Ḥanbal yang mengingkari (menolak) al-Wāqidī. Beliau menyatakan bahawa Aḥmad b. Ḥanbal telah mengingkari al-Wāqidī kerana al-Wāqidī menghimpunkan beberapa Isnād untuk satu Matan. Ibrāhīm al-

⁷⁶ Ibid, h. 36.

⁷⁷ Ibn Sayyid al-Nāṣ (1974), *op. cit.*, j. 1, h. 21.

Harbī mengatakan apa yang dilakukan oleh al-Wāqidī bukanlah sesuatu yang aib kerana al-Zuhri dan Ibn Ishāq juga telah melakukan perkara yang sama.

Apapun, ketokohan al-Wāqidī dalam bidang *Sīrah* dan *Maghāzī* tidak dapat dipertikaikan kerana beberapa orang ulama yang mengkritiknya seperti Imam Muḥammad b. Idrīs al-Shāfi‘ī telah merujuk riwayat-riwayat beliau tentang *Ghazawah* di dalam karyanya, *Kitāb al-Umm*. Ini termasuklah Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī yang mencatatkan riwayat-riwayat beliau di dalam kitabnya, *Fath al-Bārī*.⁷⁸ Shams al-Dīn al-Dhahabī juga mengiktiraf kepakaran al-Wāqidī dengan menyatakan: هو رأس في المغازى والسير (Beliau ialah ketua dalam bidang *Maghāzī* dan *Siyar*)⁷⁹ dan dalam riwayat yang lain: كان إلى حفظه المنتهي في الأخبار والسير ، والمغازى والحوادث وأيام الناس والفقه وغير ذلك (Kepada penghafalannya terhenti cerita-cerita, *Siyar*, *Maghāzī*, peristiwa-peristiwa, hari-hari yang dilalui oleh manusia, fikah dan sebagainya).⁸⁰

Adalah jelas di sini bahawa kritikan yang ditujukan kepada al-Wāqidī ialah kerana beliau tidak mempraktikkan kaedah-kaedah meriwayatkan hadis sebagaimana yang dikehendaki oleh ahli hadis. Walau bagaimanapun, ini tidaklah menjelaskan kredibiliti dan kewibawaannya kerana beliau mempunyai alasan tersendiri dalam hal tersebut. Hampir keseluruhan kitab *Tarājum* mengakui ketokohan dan keunggulan al-Wāqidī sebagai seorang sejarawan. Muḥammad b. Sa‘d menyatakan:⁸¹

وكان عالماً بالمغازى والسير والفتوح وباختلاف الناس في الحديث والأحكام واجتماعهم على ما اجتمعوا عليه

Beliau ialah seorang yang berpengetahuan luas tentang *Maghāzī*, *Sīrah*, *Futūh*, *Khilāf ulama* mengenai hadis, hukum hakam dan apa yang disepakati oleh mereka.

Ibn al-Nadīm pula menyebut:⁸²

كان عالماً بالمغازى والسير والفتوح واختلاف الناس في الحديث والفقه والأحكام والأخبار

Beliau ialah seorang yang berpengetahuan luas tentang *Maghāzī*, *Siyar*, *Futūh*, *Khilāf ulama* tentang hadis, fikah, hukum-hakam dan cerita-cerita.

⁷⁸ Nadvi (1982), *op. cit.*, h. 37.

⁷⁹ al-Dhahabī (1956), *op. cit.*, j. 1, h. 348

⁸⁰ al-Dhahabī (1953), *op. cit.*, j. 3, h. 663.

⁸¹ Muḥammad b. Sa‘d (tth.), *al-Tabaqāt al-Kubrā*. Beirut: Dār Ṣādir, j. 5, h. 425.

⁸² Ibn al-Nadīm (1985), *op. cit.*, h. 194.

Riwayat-riwayat yang menyatakan bahawa al-Wāqidī berpegang kepada fahaman Syiah juga adalah tidak benar kerana dakwaan tersebut hanyalah berdasarkan kepada dua buah kitab yang ditulis oleh beliau iaitu *Kitāb Maqtal al-Husayn* dan *Kitāb Mawlid al-Hasan wa al-Husayn wa Maqtal al-Husayn*. Penelitian kepada penulisan al-Wāqidī memperlihatkan terdapat banyak riwayat beliau yang tidak menaikkan atau mengagungkan martabat serta kedudukan ‘Ali b. Abī Tālib seperti:

1. Muḥammad b. Isḥāq menyatakan bahawa ‘Ali b. Abī Tālib telah membunuh Tu‘aymah b. ‘Adī daripada Banī Nawfal b. ‘Abd Manāf dalam Ghazwah Badr, tetapi, al-Wāqidī menafikannya dan menyatakan bahawa Ḥamzah b. ‘Abd al-Muṭtalib ialah orang yang telah membunuh Tu‘aymah.
2. al-Wāqidī telah *mentarjihkan* bahawa Quzmān telah membunuh Su‘āb iaitu budak suruhan Banī ‘Abd al-Dār dalam Ghazwah Uhud dan menafikan ‘Ali b. Abī Talib ialah orang yang membunuhnya.
3. al-Wāqidī telah meriwayatkan sabda Nabi Muḥammad s.a.w. kepada ‘Ali b. Abī Tālib setelah selesai Ghazwah Uhud yang membayangkan bahawa para Sahabat yang lain juga mempunyai kelebihan mereka yang tersendiri: إن قد أحسنت القتل ، فقد أحسن عاصم بن ثابت والحارث بن الصمة وسهول بن حنيف ، وسيف أبي دجانة غير مذموم . (Sekiranya engkau telah berperang dengan baik, maka ‘Āṣim b. Thābit juga begitu, begitu dengan al-Hārith b. al-Ṣummah dan Sahl b. Ḥanīf, dan pedang Abi Dujānah juga tidak tercela).⁸³

Selain itu, al-Tūsī iaitu seorang penulis Syiah, juga tidak menyenaraikan dua buah kitab yang ditulis oleh al-Wāqidī dalam bukunya, *al-Fihrist*. Berkemungkinan dakwaan Syiah terhadap al-Wāqidī adalah lahir dan tercetus daripada penulisannya yang sering mencatatkan kata-kata atau pandangan golongan tersebut, tetapi ini sebenarnya tidaklah menggambarkan fahaman sebenar yang dipegang oleh beliau kerana penulisan sejarah sememangnya tidak akan terlepas daripada membicarakan hal-hal yang sedemikian.⁸⁴

Kesimpulan

Al-Wāqidī merupakan antara sejarawan awal yang begitu banyak memberi sumbangan dalam dunia pensejarahan Islam terutamanya mengenai sejarah Nabi Muḥammad s.a.w., al-Riddah, al-Fūhāt al-Islāmiyyah dan isu-isu semasa yang berlaku. Ketokohan beliau telah diakui oleh sarjana Islam dan Barat dan sehingga kini karya-karyanya masih menjadi sumber rujukan utama tentang sejarah awal Islam. Karya agung al-Wāqidī iaitu *Kitāb al-Maghāzī* telah mendapat reputasi

⁸³ al-Wāqidī (1966), *Kitāb al-Maghāzī*, j. 1, h. 148, 228, 249.

⁸⁴ Ibid, h. 17.

yang meluas di kalangan sarjana Barat apabila disunting buat kali pertama oleh Alfred Von Kremer⁸⁵ dan kali kedua oleh Marsden Jones. Seterusnya ia diterjemahkan ke dalam bahasa Jerman oleh Julius Wellhausen. Menurut Josef Horovitz, *Kitāb al-Maghāzī* mengandungi maklumat yang begitu terperinci mengenai zaman Madinah jika dibandingkan dengan *Kitāb al-Mubtada’ wa al-Mab’ath wa al-Maghāzī* yang ditulis oleh Ibn Ishāq. Ia juga lebih berautoriti kerana al-Wāqidī telah mendapatkan fakta-fakta daripada kajianya sendiri iaitu berdasarkan sumber bertulis atau riwayat-riwayat lisan.⁸⁶ Di samping itu, al-Wāqidī tidak mencatatkan puisi yang tidak diketahui siapa pemuisinya serta sering mengemukakan pendapat mengenai sesuatu peristiwa. Wustenfeld dan D.S. Margoliouth pula menyatakan bahawa penulisan al-Wāqidī adalah berautoriti. Sir Henry William Muir dan Sprenger juga lebih didapati lebih mengutamakan penulisan al-Wāqidī berbanding penulisan Ibn Ishāq.⁸⁷

Bibliografi

- Ahmad, Imtiaz (1979), “al-Waqidi as a Tradition,” *Islamic Culture*. Bil. 18.
- Aḥmad, Mahdī Yarzuq Allāh (1992), *al-Sīrah al-Nabawiyah fī Daw’ al-Maṣādir al-Asliyyah*. Riyadh: Maṭba’at Markaz al-Malik Fayṣal li al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah.
- Amin, Aḥmad (t.th.), *Duhā al-Islām*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, j. 2.
- Al-Aṣfahānī, Abū al-Faraj (1935), *Kitāb al-Aghānī*, j. 8. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Azmī, Muḥammad Muṣṭafā (1968), *Studies in Early Ḥadīth Literature*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Baghdādī, al-Khaṭīb (t.th.), *Tārikh Baghdaḍ*, j. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bukhārī, Muḥammad b. Ismā‘il (1982), *al-Tārikh al-Ṣaghīr*. Lahore: Idārat Tarjamān al-Sunnah.
- Al-Dhababī, Shams al-Dīn (1953), *Mizān al-I‘tidāl fī Naqd al-Rijāl*, Mesir: Maṭba’at ‘Īsā al-Bābī al-Halabī, j. 3.
- Al-Dhababī, Shams al-Dīn (1956), *Tadhkirat al-Ḥuffaẓ*. Hayderabad: Dā’irat al-Ma‘ārif al-Islāmiyyah, j. 1.
- Al-Dhababī, Shams al-Dīn (1971), *al-Mughnī fī al-Du‘afā’ wa al-Matrūkīn*. Syria: Dār al-Ma‘ārif, j. 2.

⁸⁵ Alfred Yon Kremer sendiri telah menyifatkan al-Wāqidī sebagai *Father of Arabic History*. Lihat D.M. Dunlop (1971), *Arab Civilization To A.D. 1500*. Beirut: Librairie du Liban, h. 75.

⁸⁶ Horovitz (1928), “The Earliest Biographies of the Prophet and Their Authors”, h. 519-20.

⁸⁷ Dunlop (1971), *Arab Civilization To A.D. 1500*, h. 75.

- Al-Dhababī, Shams al-Dīn (1985), *Tārīkh al-Islām wa Ṭabaqāt al-Mashāhīr wa al-A'lām*, j. 1. Kaherah: Dār al-Kitāb al-Miṣrī.
- Al-Dhababī, Shams al-Dīn (t.th.), *al-Kāshif fī Ma'rifat Man lahu Riwayat fī al-Kutub al-Sittah*, j. 3. Mesir: Maṭba'at Dār al-Ta'līf.
- Dunlop, D.M. (1971), *Arab Civilization To A.D. 1500*. Beirut: Librairie du Liban.
- Al-Dūrī, ‘Abd al-‘Azīz (1960), *Baḥth fī Nash’at ‘Ilm al-Tārīkh ‘ind al-‘Arab*. Beirut: Maṭba'at al-Kathūlūkiyyah.
- Faruqi, Nisar Ahmed (1979), *Early Muslim Historiography*. Delhi: Idarah-i Adabiyat-i Delli.
- Gibb, Hamilton (1964), *Dirāsāt fī Ḥaqāqīrat al-Islām*, terjemahan Ihṣān ‘Abbās. Beirut: Dār al-‘Ilm lil Malāyīn.
- Al-Ḥamawī, Yāqūt (1938), *Mu'jam al-Udabā'*, j. 18. T.tp.: Dār al-Ma'mūn.
- Horovitz, Josef (1927), “The Earliest Biographies of the Prophet and Their Authors”, *Islamic Culture*, Bil. 1.
- Ibn al-Nadīm, Abu al-Faraj Muḥammad (1985), *al-Fihrist*. T.tp.: Dār al-Qaṭarī b. al-Fujā'ah.
- Ibn Hishām, ‘Abd al-Malik (t.th.), *al-Sīrah al-Nabawiyah*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Sa'd, Muḥammad (t.th.), *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, j. 5. Beirut: Dār Ṣādir.
- Ibn Sa'd, Muḥammad (tth.), *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*. Beirut: Dār Ṣādir, j. 5.
- Khalīfah, Ḥājī (1947), *Kashf al-Ζunūn 'an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn*, j. 2. Tehran: al-Maṭba'ah al-Islāmiyyah.
- Mawāfi, ‘Uthmān (1984), *Manhaj al-Naqd al-Tārīkhī al-Islāmī wa al-Manhaj al-Urūbī*. T.tp.: Dār al-Ma'rifah al-Jāmi'iyyah.
- Al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Ḥajjāj Yūsuf (1992), *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*, suntingan Bashār ‘Awwār Ma'ruf, j. 29. Beirut: Mu'assasat al-Risālah.
- Muṣṭafā, Shākir (1979), *al-Tārīkh al-'Arabi wa al-Mu'arrikhūn*, j. 1. Beirut: Dār al-‘Ilm lil Malāyīn.
- Nadvi, Sayed Salman (1982), “Muhammad ibn. Umar al-Waqidi,” *The Muslim World League Journal*, j. 9.
- Naṣṣār, Ḥusayn (1966), *Nash'at al-Kitābah al-Fanniyah fī al-Adab al-'Arabī*. Kaherah: Maktabat al-Nahḍah al-Miṣriyyah.
- Al-Nās, Ibn Sayyid (1974), *'Uyūn al-Athar fī Funūn al-Maghāzī wa al-Shamā'il wa al-Siyar*, j. 1. Beirut: Dār al-Jayl.

Al-Rāzī, Abū Muḥammad ‘Abd al-Rahmān (1988), *Kitāb al-Jaraḥ wa al-Ta’dīl*, j. 8. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Sakhawī, Shams al-Dīn Muḥammad b. ‘Abd al-Rahmān (t.th.), *al-I'lān bi al-Tawbikh li Man Dama al-Tārīkh*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Sālim, Sayyid ‘Abd al-‘Azīz (1981), *al-Tārīkh wa al-Mu’arrikūn al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah.

Al-Tabarī, Abū Ja‘far Muḥammad b. Jarīr (1991), *Tārīkh al-Tabarī – Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-‘Umari, Akram Diyā’ (1991), *Madinan Society at the Time of the Prophet*, j. 1. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.

al-Wāqidī, Muḥammad b. ‘Umar (1966), *Kitāb al-Maghāzī*, j. 1. London: Maṭba‘at Jāmi‘at Oxford.